

7944

**Warisan: [jurnal] Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan
Negeri Sembilan 23 (2000)**

Hiasan Kulit¹ ISTANA AMPANG TINGGI

Susunan: Norhalim Hj. Ibrahim

Tapak asal istana ini ialah di Kampong Ampang Tinggi, Kuala Pilah. Istana ini telah dibina oleh Yamtuan Imam (Ulin) Yamtuan² Kelima (1861-1869) tanpa menggunakan paku. Apabila istana ini siap, Yamtuan Imam telah memberikannya kepada puterinya, Tunku Chindai. Setelah Tunku Chindai berkahwin dengan Tengku Muda Cik, Putera Yamtuan Radin³, Yamtuan Keempat (1830-1861), istana ini telah menjadi tempat kediaman mereka. Semasa tinggal di istana ini Tengku Muda Cik telah menambah lebih banyak penal berukir.

Istana ini kemudian diberikan kepada puteri mereka Tunku Halijah yang berkahwin dengan Tuanku Muhammad⁴, Yamtuan ketujuh (1888-1933), sebagai isteri kedua baginda. Apabila Tunku Halijah meninggal dunia pada tahun 1921, istana ini telah didiami dari masa ke masa oleh anggota keluarga yang lain. Mulai kira-kira pada tahun 1930 istana ini tidak didiami lagi dan terbiar begitu sahaja.

Pada tahun 1953, Yang Dipertuan Besar Kelapan, Tuanku Abdul Rahman (1933-1.4.1960) memberi kebenaran supaya bangunan istana yang tidak beratap ini ditanggalkan dan dipindahkan ke Seremban. Pemindahan ini dapat dilaksanakan tanpa merosakkan mana-mana bahagian kerana istana ini telah dibina tanpa menggunakan paku.

Bahagian tengah bangunan ini telah didirikan di atas satu tapak berhampiran dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (sekarang menempatkan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan) dan dijadikan Muzium Negeri. Pada tahun 1983, bangunan ini dipindahkan sekali lagi ke Kompleks Taman Seni Budaya Negeri Sembilan di Jalan Labu, Seremban; dan statusnya sebagai Muzium Negeri dikekalkan hingga hari ini.

Nota:

- ¹ Gambar adalah dengan ihsan Jabatan Muzium Negeri Sembilan.
- ² Kependekan gelaran Yang Dipertuan Besar.
- ³ Anak raja tempatan pertama yang menjadi Yamtuan Seri Menanti. Sebelum Yamtuan Radin, bermula daripada Raja Melewar (sekitar awal tahun 1720-an) hingga Raja Labu atau Yamtuan Sati iaitu Yamtuan Seri Menanti Keempat (1824-1830) kesemua Yamtuan dijemput dari Pagarruyung Minangkabau.
- ⁴ Di antara tahun 1888 hingga 1898 baginda bergelar Yamtuan Seri Menanti. Mulai April 1898, melalui "Perjanjian Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang yang Empat dan Inggeris" gelaran baginda ditukar kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Bibliografi

- Abdul Samad Idris, Tan Sri Datuk. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn. Bhd. 1987.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995.